KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	21/1/2022 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	-			

lokal

Harimau gonggong anak beri makna

Arca beri kesedaran kepupusan harimau malaya di samping meriahkan sambutan Tahun Baru Cina

Kuala Lumpur

'Kwai Chai Hong' dalam bahasa Kantonis pasar bermaksud Lorong Hantu Kecil, tetapi lorong yang ada di hadapan saya sedikit pun tidak menimbulkan rasa seram malah suasana sekeliling begitu cantik, sejuk mata memandang.

Sebenarnya penulis pernah menelusuri lorong sepanjang kira-kira 36 meter itu tidak lama dahulu dan sudah tentu penulis begitu terpegun tatkala kaki melangkah menghampiri lokasi berkenaan baru-baru ini.

Terletak antara Lorong Panggung dan Jalan Petaling, di kota metropolitan Kuala Lumpur, lorong ini semakin menjadi tarikan ramai menjelang sambutan Tahun Baru Cina yang akan diraikan pada 1 dan 2 Februari 2022.

Tahun Baru Cina 2022 adalah Tahun Harimau, (haiwan ke-3 dalam kitaran 12 haiwan dalam Zodiak Cina) dan tentunya arca Keluarga Harimau Malaya yang dibina di bahagian tengah lorong menambat hati sesiapa sahaja yang melewati lorong ini.

Keluarga Harimau Malaya yang terdiri daripada si bapa sedang menggonggong si anak dengan diperhatikan oleh si ibu, secara simboliknya memaparkan rasa kasih sayang, harapan, perlindungan serta bantuan, menghidupkan lagi suasana meriah menjelang sambutan Tahun Baru Cina.

Ada satu lagi tarikan di lorong ini iaitu jambatan kayu berwarna merah dengan hiasan gantungan tanglung berwarna warni serta potongan fabrik merah dan putih mengikut seni tradisional kuno Cina seakan memayungi arca Keluarga Harimau Malaya itu.

Bertemakan *Live Wild and Prosper*, arca Keluarga Harimau Malaya hasil rekaan artis tempatan, Alice Chang dan seni fabrik Stretch Out oleh DJ Muzik, Fadzil Huzaire atau lebih dikenali sebagai Odd ini, dipamerkan setiap hari bermula 14 Januari sehingga 20 Februari depan.

Waktu pameran adalah dari pukul 9 pagi hingga 10 malam setiap hari dan masuk adalah percuma. Pemilik projek Kwai Chai Hong adalah Bai Chuan Management Sdn Bhd.

Menurut Pengarah Urusan syarikat ini, Zeen Chang, projek berkenaan mahu memberi kesedaran kepada masyarakat di negara ini akan kepentingan menyelamatkan harimau malaya yang semakin pupus.

"Sebagai menyokong usaha pemuliharaan Tabung Hidupan Liar Dunia (WWF)-Malaysia, arca harimau malaya ini akan dijual dengan harga minimum tawaran bermula RM18,000. Hasil jualan ini sepenuhnya akan disumbangkan untuk membantu menyelamatkan spesies harimau malaya yang hampir pupus ini.

> "Seruan kami untuk selamatkan harimau malaya ini bukan perkara baru
> Zeen Chang

"Selain itu, kami akan terus mengalakkan orang terutama generasi muda untuk datang ke 'Kwai Chai Hong' untuk melihat sendiri usaha menghidupkan semula kegemilangan seni serta warisan Cina," Zeen Chang memberitahu Bernama ketika diwawancara selepas pelancaran pameran seni bertemakan *Live Wild & Prosper* di Kwai Chai Hong pada 13 Januari lepas.

Menurut Zeen Chang, populasi harimau malaya dilaporkan kurang daripada 200 ekor dan sering menjadi mangsa pemburu haram dan aktiviti penggondolan hutan yang menyebabkan kemusnahan kepada habitat haiwan itu.

"Boleh dikatakan kita bernasib baik kerana Malaysia adalah salah sebuah daripada beberapa buah negara sahaja di Asia Tenggara yang masih mempunyai harimau malaya, tetapi spesies ini semakin pupus. Setiap bahagian harimau ini dijual dan haiwan ini dibunuh oleh mereka yang mahu membuat keuntungan.

"Seruan kami untuk selamatkan harimau malaya ini bukan perkara baru, tetapi inilah kenyataannya dan keadaan semakin meruncing," kata beliau, sambil menambah, projek pemasangan sei itu diharap dapat mengumpul dana sehingga sebanyak RM38,000 bagi menampung usaha pemuliharaan.

Harimau malaya atau harimau belang merupakan hidupan liar yang terancam dan dilindungi sepenuhnya di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]. Tiga (3) kawasan habitat utama harimau di Malaysia iaitu di Kompleks Taman Negara, Endau-Rompin dan Belum-Temengor.

Projek Kwai Chai Hong mendapat gandingan kerjasama dengan ramai artis tempatan dan bagi Zeen Chang, pihaknya amat bangga dengan peluang kerjasama itu.

"Golongan artis turut berkongsi minat mendalam kami untuk mengekalkan warisan serta budaya zaman silam sejak projek ini dilancarkan pada tahun 2019.

"Melaksanakan projek ini adalah satu cabaran untuk kami semua daripada peringkat perancangan sehingga pelaksanaan, semuanya perlu dibuat dengan cepat, tetapi masing-masing komited untuk menjadikannya satu kenyataan dan melihat impak positif projek ini," katanya.

Zeen Chang menambah, pihaknya berharap dapat menggunakan platform berkenaan untuk mengalu-alukan lebih ramai artis daripada berbilang kaum serta latar belakang untuk bekerjasama dan memaparkan hasil seni mereka. Warisan serta kebudayaan Cina bukan sahaja untuk orang Cina tetapi untuk semua rakyat Malaysia.

Projek Kwai Chai Hong, katanya lagi, bukan sahaja menjadi pusat tumpuan artis, jurugambar dan 'Instagrammers' tetapi juga tarikan pelancong.

"Justeru, usaha untuk mengekalkan kewujudan serta sejarah tempat ini sudah berjaya dan kami akan meneruskan usaha ini dengan lebih banyak perayaan serta sejarah untuk orang ramai menikmatinya pada masa hadapan," katanya.

Sementara itu, artis Alice Chang memberitahu Bernama, arca keluarga harimau malaya yang dihasilkan itu juga sebagai tanda peringatan bahawa di sebalik kegagahan haiwan itu, tanpa penjagaan dan perlindungan, haiwan itu juga diancam kepupusan.

"Keadaan ini memberi inspirasi kepada saya untuk menghasilkan keluarga harimau tiga beranak ini dengan si bapa harimau menggonggong anaknya sementara si ibu harimau secara santai memerhatikan," kata beliau yang juga pemilik Lai Lai Art Studio.

Berkongsi pengalaman membuat arca harimau, Chang berkata, beliau mengambil masa sekitar tiga bulan untuk menyiapkan arca berkenaan, daripada menyediakan reka bentuk sehingga kepada pemasangannya.

"Bila sebut Tahun Harimau, fokus saya terus kepada Selamatkan Harimau Malaya dan saya berkongsi perkara ini dengan pasukan kami (Bai Chuan), kami bincang bagaimana mahu menjadikannya projek yang lebih berkesan dan menyebarkan kesedaran tentang haiwan liar yang hampir pupus ini.

"Selepas berbincang, saya mulakan kerja membuat arca harimau itu menggunakan wayar, simen dan cat di studio saya. Semuanya ini mengambil masa hampir dua bulan dari Oktober hingga penghujung Disember 2021," katanya.

Menurut beliau lagi, perkara paling mencabar dalam membuat arca 3D keluarga harimau ini ialah membuat *frame* anak harimau secara terbalik ketika anak ini digonggong si bapa harimau.

"Saya mendapat bantuan dua rakan kerja saya untuk membantu membalikkan rangka ini dan menyiapkan arca anak harimau ini.

"Rakan sepasukan juga membantu membawa Keluarga Harimau Malaya ini ke Kwai Chai Hong untuk pameran ini," katanya sambil melahirkan harapan Keluarga Harimau Malaya secara simboliknya akan membawa kesihatan yang baik, daya tahan, kegembiraan dan ikatan kekeluargaan yang erat untuk semua.

Arca Keluarga Harimau di Kwai Chai Hong dilengkapkan dengan hasil seni Odd (Fadzil Huzaire) yang memaparkan keindahan seni potongan kertas purba Cina, menggunakan potongan fabrik, Stretch Fabric.



ALICE Chang bersama hasil seninya yang dipamerkan di Kwai Chai Hong.